

# Raja untuk lantik Undang

6.6.87.

SEREMBAN, Jumaat — Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan mungkin menggunakan sistem Adat Diraja dalam urusan perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 sebagai langkah memecahkan kebuntuan yang berlarutan lebih tiga tahun itu.

Menurut satu sumber tertinggi adat, mesyuarat dewan yang dijadual berlangsung pada 16 Jun ini akan membincangkan perkara itu secara terpe-

rinci.

Sumber itu, bagaimanapun, tidak menolak kemungkinan dewan menggunakan sistem itu bagi menamatkan krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 berdasarkan kepada perkembangan semasa.

"Sistem perlantikan Undang yang berlandaskan kepada Adat Diraja tidak bercanggah dengan aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong. Malah sistem itu telah digunakan dalam

pemilihan Undang pertama hingga kesembilan.

"Cuma ada sedikit perbeaan dalam urusan perlantikan Undang pertama hingga ke tujuh lalu penyandang pesaka Datuk Kelana dipilih daripada kalangan anak Waris Negeri Perut Ulu atau Hilir yang berjaya tan Datuk Laksamana," katanya kepada Berita Harian di sini.

Sumber itu berkata, sistem perlantikan Datuk Kelana yang berlandaskan kepada Adat Diraja mempunyai tiga ciri utama iaitu:

- Memberi keutamaan kepada cucu-cicit Undang dan anak-anak Waris Negeri yang bapanya adalah juga berketurunan Waris Negeri lalut Waris Tasak sama ada di Air atau di Darat;

- Calon hendaklah daripada kalangan anak Waris Negeri yang bapanya bergelar Lembaga atau Orang Besar adat;

- Calon hendaklah daripada kalangan anak Waris Negeri yang bapanya daripada golongan alim ulama.

"Selain itu, seseorang bakal penyandang pesaka Datuk Kelana hendaklah sempurna sifatnya (tidak cacat), memahami aturan adat dan pesaka serta hukum syarak, arif dan bijaksana serta mendapat kepercayaan isi negeri," katanya.

Krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 bermula selepas kematian Undang kesembilan, Allahyarham Datuk Kelana Mohd Kassim Datuk Nika Haji Abdul Rashid pada 28 Oktober 1983.